

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 10.11.2025 MASA: 10:00PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM TURUN PADANG PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG KE MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI TAHUN 2025**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**11 NOVEMBER 2025 (SELASA)
8.00 PAGI**

**HOTEL IXORA
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini dalam **Program Turun Padang Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2025**.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP)** atas inisiatif murni melaksanakan program turun padang ini, serta kepada semua penceramah, fasilitator dan urus setia yang telah bertungkus-lumus memastikan kelancaran program dari 11 hingga 13 November 2025 ini.
3. Saya difahamkan bahawa program ini melibatkan penyertaan **seramai 134 orang peserta** terdiri daripada ketua jabatan, pentadbir jabatan dan pegawai urus setia yang akan mengikuti pelbagai sesi bimbingan, perkongsian dan latihan berkaitan pelaksanaan sistem **HRMIS dan MyPerformance**. Penyertaan tuan-tuan dan puan-puan, mencerminkan komitmen warga pentadbiran kita terhadap budaya kerja profesional dan berintegriti tinggi.

4. Program Turun Padang ini bukan sekadar sesi taklimat atau latihan teknikal, tetapi merupakan **platform kolaboratif** antara PSUKPP dan MBSP dalam memperkukuh sistem pengurusan sumber manusia yang cekap, telus dan berpaksikan data digital. Melalui modul-modul yang disusun, seperti Pembangunan Kompetensi; Pengurusan Saraan, Faedah dan Ganjaran; Tatatertib; Rekod Peribadi; Perkhidmatan; Data Perjawatan; Pengurusan Prestasi serta Pentadbiran Sistem, para peserta diberi ruang untuk memperdalam kefahaman serta meningkatkan kemahiran dalam mengurus sumber manusia secara menyeluruh.
5. Di era transformasi digital ini, keupayaan sesebuah organisasi bergantung kepada sejauh mana kita mampu **mengurus maklumat dengan tepat dan bertindak berdasarkan data yang sahih**. Justeru, pelaksanaan sistem **HRMIS dan MyPerformance** bukan lagi satu pilihan, tetapi satu **keperluan strategik** bagi memastikan tadbir urus yang efisien, pemantauan prestasi yang berkesan dan pelaporan sumber manusia yang lebih tepat serta teratur.
6. Saya percaya, dalam pelaksanaan sebarang sistem baharu, pasti ada cabaran, sama ada dari aspek teknikal, kefahaman pengguna, mahupun keseragaman data. Namun, program seperti ini memberi peluang kepada kita untuk **mengenal pasti isu-isu tersebut secara langsung dan mencari penyelesaian bersama**, secara lebih cepat dan pragmatik.

7. Yang lebih penting, melalui pendekatan turun padang ini, kita dapat menanamkan budaya akauntabiliti dalam kalangan warga kerja, budaya di mana setiap pegawai memahami bahawa **ketepatan data, kejujuran pelaporan dan ketelusan dalam sistem adalah cerminan integriti diri serta organisasi.**
8. Saya menaruh **harapan yang tinggi** agar selepas tiga (3) hari program ini berlangsung, sinergi yang lebih kukuh akan wujud antara PSUKPP dan MBSP; bukan sahaja dari sudut pelaksanaan sistem HRMIS dan MyPerformance, tetapi juga dalam membentuk ekosistem pentadbiran yang **berasaskan ilmu, teknologi dan nilai murni.**
9. Saya juga berharap agar semua peserta mengambil kesempatan ini untuk **bertanya, berkongsi pandangan dan menimba seberapa banyak ilmu praktikal** daripada para pakar. Setiap maklumat yang diperoleh di sini adalah aset yang amat bernilai untuk kita bawa pulang dan diamalkan dalam jabatan masing-masing.
10. Insya-Allah, dengan kefahaman yang lebih mendalam dan kesungguhan dalam pelaksanaan, MBSP akan terus melangkah sebagai sebuah **pihak berkuasa tempatan yang cemerlang, progresif dan berdaya saing**, seiring aspirasi *Penang2030* dan visi *Malaysia MADANI* yang menekankan kesejahteraan rakyat melalui tadbir urus berintegriti dan berkesan.

11. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada pihak **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang**, kepada semua penceramah, urus setia dan peserta atas dedikasi serta semangat untuk menjayakan program yang amat signifikan ini. Saya mendoakan semoga segala perkongsian ilmu dan pengalaman yang diperoleh akan menjadi pemangkin kepada **peningkatan profesionalisme, efisiensi serta integriti perkhidmatan awam di Seberang Perai dan di seluruh negeri Pulau Pinang.**
12. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Turun Padang Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.